

# *Highlights*

## PR1.1/2013



## i. Pembelian hartanah lelongan

- **Sebelum** : Tidak dibenarkan sebelum 1 Januari 2011.
- **Kini** : Pembelian hartanah lelongan oleh Perbendaharaan Malaysia **dibenarkan** menggunakan kemudahan pinjaman perumahan Perbendaharaan Malaysia.



## ii. Tempoh bayaran balik pinjaman Pembelian tanah (Jenis IV)

- **Sebelum** : Maksimum 12 tahun untuk pinjaman pertama dan 10 tahun untuk pinjaman kedua.
- **Kini** : Maksimum **30 tahun** untuk pinjaman pertama dan **25 tahun** untuk pinjaman kedua.


### iii. Kelayakan pinjaman pertama

- **Sebelum** : Anggaran bayaran balik bulanan **tidak melebihi 40%** daripada gaji hakiki.
- **Kini** : Anggaran bayaran balik bulanan dinaikkan kepada **tidak melebihi 60%** daripada gaji hakiki.



## vi. Hartanah berstatus pajakan

- **Sebelum** : Pembelian hartanah berstatus pajakan mempunyai **baki pajakan** sekurang-kurangnya **lima belas (15) tahun** selepas pinjaman selesai dibayar.
- **Kini** : Baki pajakan dikurangkan kepada **10 tahun**.



## v. Penangguhan bayaran balik bulanan

- **Sebelum :**

- 1. cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji** untuk melanjutkan pelajaran atas tajaan Kerajaan; dan
- 2. cuti tanpa gaji** untuk mengikuti suami/isteri yang melanjutkan pelajaran di luar negara atas tajaan Kerajaan.



- **Kini** : Kemudahan ini diperluaskan kepada peminjam yang :-
  - i. cuti menjaga anak** bagi tempoh minimum setahun selepas tamat cuti bersalin; dan
  - ii. cuti tanpa gaji** bagi tempoh minimum setahun kerana mengikuti suami/isteri yang bertugas dengan Kerajaan Malaysia di luar negara.

## vi. Pengurangan kadar faedah

- **Sebelum :**

- i. Pinjaman < **RM100,000:-**

- 10%** setahun (12 Jun 1985-30 Jun 1987);

- 9%** setahun (1 Julai 1987-31 Disember 1988);  
dan **7%** setahun (1 Januari 1989).

- ii. Pinjaman > **RM100,000:-**

- 12%** setahun (12 Jun 1985-30 Jun 1987);

- 11%** setahun (1 Julai 1987-31 Disember 1988) dan **9%** setahun (1 Januari 1989).



- **Kini :**

Kadar faedah bagi peminjam yang meninggalkan perkhidmatan diseragamkan kepada **7%** setahun mulai 1 Januari 2011.



## vii. Pengurangan kadar faedah

**\* Bagi peminjam yang bertukar skim perkhidmatan**

- **Sebelum** : Kadar faedah pasaran **7%** setahun (jika perkhidmatan terputus).
- **Kini** : kadar faedah **4%** setahun dengan syarat skim perkhidmatan tidak terputus.

## viii. Membenarkan pembelian hartanah daripada ibu, bapa, anak dan adik-beradik;

\*Pembelian hartanah daripada suami/ isteri sahaja tidak dibenarkan (kecuali hartanah tersebut perlu dijual atas arahan mahkamah atau mahkamah syariah atau untuk maksud menyelesaikan baki hutang hartanah berkenaan).



ix. Kadar pinjaman untuk kerja-kerja tambahan rumah kos rendah bagi Kumpulan Sokongan Dua dinaikkan kepada **RM20,000.00** berbanding RM10,000.00 sebelum ini;



## x. Had kelayakan pinjaman



- **Sebelum** : Kelayakan maksimum ialah dari **RM72,000** hingga **RM360,000**.
- **Kini** : Kelayakan maksimum ialah dari **RM80,000** hingga **RM450,000**.

\*Kelayakan adalah mengikut tangga gaji.

## xi. Amaun Kelayakan Pinjaman Kedua

- **Sebelum** : Pinjaman kedua tertakluk kepada ansuran bulanan **tidak melebihi 50% daripada anggaran pencen bulanan pemohon yang akan diterima berdasarkan gaji hakiki semasa.**
- **Kini** : Pinjaman kedua tertakluk kepada ansuran bulanan **tidak melebihi 50% daripada gaji hakiki semasa.**



## xii. Potongan Bayaran Balik Bagi Pinjaman Jenis II, III, VI dan VII

- **Sebelum** : Bayaran balik bermula selepas bayaran kemajuan 95% dikeluarkan atau **pada bulan kesembilan belas(19)** dari tarikh Surat Setuju Terima (Borang E) diterima yang mana terdahulu.
- **Kini** : Bayaran balik bermula selepas bayaran kemajuan 95% dikeluarkan atau pada **bulan kedua puluh lima (25)** dari tarikh Surat Setuju Terima (Borang E) diterima yang mana terdahulu.



### xiii. Pinjaman Ubahsuai (Jenis VII)

- **Sebelum** : Pinjaman ubahsuai (Jenis VII) dibenarkan untuk **rumah/hartanah yang dibiayai dengan pinjaman kerajaan atau yang dibiayai dengan lain-lain institusi kewangan.**
- **Kini** : Pinjaman ubahsuai (Jenis VII) hanya dibenarkan bagi **rumah/hartanah yang dibiayai dengan pinjaman kerajaan sahaja.**